**Bahagian A**

| No. Soalan | Jawapan |
|---|---|
| 1. | Qadak |
| 2. | Salafusoleh |
| 3. | Ekonomi |
| 4. | Ijtihad |
| 5. | mazmumah |
| 6. | musyahadah |
| 7. | etika |
| 8. | murtad |
| 9. | M - Al-Musawah / Persamaan |
| 10. | N - Al-Hurriyyah / Kebebasan |
| 11. | P – Sifat-sifat mustahil Rasul / Kitab |
| 12. | Q – Kitab / Sifat-sifat mustahil Rasul |
| 13. | R - Sosialis |
| 14. | S - Kapitalis |
| 15. | T - Al-Quran / Al-Ijmak |
| 16. | U – Al-Ijmak / Al-Quran |
| 17. | √ |
| 18. | X |
| 19. | X |
| 20. | √ |

**Bahagian B**

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | | Maksud Iman dari segi istilah<br>Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan (1m) tehadap segala perintah dan suruhan Allah SWT (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | (b) | | **Dua** nama kitab<br>P1- Zabur<br>P2- Taurat<br>P3- Injil<br>P4- Al-Quran | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | (c) | (i) | **Dua** contoh akhlak mazmumah yang berlaku di dalam kelas<br>P1- Bergaduh<br>P2- Mencuri<br>P3- Mengganggu rakan<br>P4- Melakukan vandalisme<br><br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Cara Ahmad menangani masalah lewat masuk ke kelas<br><br>Rubrik penskoran (lihat jadual di bawah)<br><br>Contoh jawapan :<br>Menyusun jadual harian (F1) supaya dapat bangun awal ke sekolah (H1). Kesannya dapat masuk ke kelas tepat pada masanya (H3). Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha memastikan pengurusan masa dengan bijak dan teratur (H4).<br><br>Cadangan isi :<br>F2- Memastikan pengurusan masa dengan baik<br>F3- Elakkan berhenti lama di kontin/koridor<br>F4- Berazam datang awal<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | KBAT<br>[4 *markah*] |

Rubrik penskoran

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | | Matlamat pemilikan harta<br>P1- Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT (1m) kerana menurut peraturan syariat (1m).<br>P2- Menjamin keselamatan hidup (1m) di dunia dan akhirat (1m).<br>P3- Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) supaya boleh dicontohi (1m).<br>P4- Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman (1m) seperti pengagihan harta yang tidak adil (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | (e) | (i) | **Dua** sebab Islam menuntut umatnya bekerja<br>P1-Merupakan ibadah (1m) yang diberikan pahala (1m).<br>P2- Memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat (1m).<br>P3- Memenuhi keperluan hidup(1m) seperti makanan dan tempat tinggal (1m).<br>P4-Mendapat penghormatan daripada masyarakat (1m) kerana mempunyai sikap tanggungjawab (1m).<br>P5- Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melaksanakan ibadah fardu ain (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** kesan pekerjaan yang halal kepada masyarakat<br>P1- Masyarakat sejahtera (1m) kerana diberkati Allah SWT (1m).<br>P2- Kehidupan masyarakat maju (1m) kerana menjalankan kegiatan ekonomi yang adil (1m).<br>P3-Memudahkan masyarakat dapat melaksanakan ibadah (1m) seperti membayar zakat (1m).<br>P4- Taraf hidup masyarakat dapat dipertingkatkan (1m) ke arah masyarakat sejahtera (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud khalifah<br>Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi (1m) selari dengan syariat / kehendak syarak (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah kepada Allah SWT dan rasul<br>P1- Menyembah Allah SWT yang Maha Esa tanpa mensyirikkan-Nya (1m) supaya akidah terpelihara (1m).<br>P2- Mematuhi segala perintah Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya (1m) agar mendapat rahmat Allah SWT (1m).<br>P3- Bersyukur atas nikmat Allah SWT dan sentiasa mengingati-Nya (1m) dengan zikrullah (1m).<br>P4- Berselawat dan meneladani sunnah Rasulullah SAW (1m) kerana Rasulullah SAW contoh teladan terbaik umat manusia (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (iii) | **Dua** punca pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT<br>P1- Syariat Islam tidak dilaksanakan (1m) seperti meninggalkan perkara fardu ain (1m).<br>P2- Mengabaikan pendidikan (1m) kerana masalah kewangan keluarga (1m).<br>P3- Kelemahan urusan pentadbiran dan salah guna kuasa (1m) kerana mengambil rasuah (1m).<br>P4- Masyarakat bersikap malas dan memilih pekerjaan (1m) kerana terpengaruh dengan gaya hidup mewah (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (b) | (i) | Cara merealisasikan sistem perundangan Islam ialah<br>P1- Mengamalkan cara hidup Islam (1m) supaya diberkati Allah SWT (1m).<br>P2- Berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT (1m) kerana Allah SWT Maha Mengetahui perkara terbaik untuk manusia (1m).<br>P3- Melaksanakan segala perintah Allah SWT (1m) seperti menunaikan solat lima waktu (1m).<br>P4- Meninggalkan segala larangan Allah SWT (1m) supaya hidup tidak terpesong daripada kebenaran (1m).<br>P5- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia (1m) supaya kehormatan diri terpelihara (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Implikasi pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam<br>P1- Merosakkan akidah (1m) seperti berlaku perkara syirik/kufur (1m).<br>P2- Mengancam keselamatan nyawa (1m) seperti berlaku jenayah pembunuhan (1m).<br>P3- Merosakkan akal (1m) seperti perbuatan minum arak/ penagihan dadah (1m).<br>P4- Merosakkan keturunan manusia (1m) seperti kelahiran anak luar nikah (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>P5- Mewujudkan sistem ekonomi yang haram (1m) seperti amalan riba/ rasuah (1m).</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Pendekatan Islam memelihara keturunan<br>P1- Mensyariatkan perkahwinan (1m) untuk melahirkan zuriat yang sah (1m).<br>P2- Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini (1m) seperti diharamkan berkahwin dengan ibu, adik-beradik perempuan dan sebagainya (1m).<br>P3- Melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay (1m) kerana boleh merosakkan keturunan (1m).<br>P4- Mensyariatkan hukuman sebat 100 kali (penzina belum berkahwin) atau rejam sampai mati (penzina sudah berkahwin) (1m) supaya masyarakat mengambil iktibar (1m).</td><td>1 isi X 2 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Matlamat perundangan Islam yang ingin dicapai bagi memenuhi kehendak pelaksanaan perundangan Islam<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan:<br>Melaksanakan ibadah pernikahan/ perkahwinan mengikut syariat / melahirkan zuriat yang halal/ membina keluarga bahagia(F1). Kesannya mendapat kasih sayang / rahmat dari Allah SWT (H1) contohnya anak / suami/ isteri yang soleh (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga keturunan dari kemaksiatan /agar mencapai kejayaan di dunia dan akhirat (H3).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Mengelakkan berlakukan perzinaan<br>F3- Melaksanakan tuntutan perkahwinan<br>F4- Mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>KBAT<br>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3. | (a) | (i) | Maksud keluarga menurut Islam<br>Unit sosial (1m) yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** ciri kekeluargaan Islam<br>P1- Dibina berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT (1m).<br>P2- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia dan contoh teladan yang baik (1m).<br>P3- Melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing (1m).<br>P4- Sentiasa berkomunikasi secara positif (1m).<br>P5- Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | (b) | | **Dua** kepentingan pembinaan keluarga Islam<br>P1- Memenuhi naluri semula jadi manusia (1m) untuk hidup berpasangan berdasarkan syarak (1m).<br>P2- Memelihara diri daripada maksiat dan penyakit (1m) agar kesihatan diri terjamin (1m).<br>P3- Membentuk masyarakat yang bertamadun beteraskan syariat Islam (1m) supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat (1m).<br>P4- Menjalinkan cinta dan kasih sayang berlandaskan peraturan syariat (1m) agar dapat menjamin keharmonian (1m).<br>P5- Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW (1m) supaya dapat menunjukkan cara hidup yang mulia (1m).<br>P6- Membina ahli keluarga yang terdidik dengan nilai-nilai Islam (1m)<br>agar menjadi keluarga yang harmoni (1m).<br>P7- Memastikan kelangsungan zuriat manusia (1m) melalui ikatan perkahwinan yang sah (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (c) | | Bincangkan punca remaja terlibat dalam masalah hamil anak luar nikah<br><br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[4 *markah*] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat. jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan :<br><br>Kurang didikan agama (F1) menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan godaan hawa nafsu (H1). Kesannya, maruah diri akan tercemar (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mematuhi segala perintah Allah SWT agar dapat membentuk akhlak yang mulia. (H3).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Pengaruh rakan sebaya<br>F3- Pengaruh media sosial<br>F4- Tekanan keluarga<br>F5- Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (d) | | **Dua** prinsip tadbir urus Islam<br>P1- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis (1m) kerana sebagai panduan dalam kehidupan (1m).<br>P2- Bermatlamatkan dunia dan akhirat (1m) agar pentadbiran dilaksanakan dengan penuh ketakwaan (1m).<br>P3- Pentadbir sebagai pemegang amanah (1m) supaya dapat menjalankan urusan dengan penuh tanggungjawab (1m).<br>P4- Berasaskan keimanan kepada Allah SWT (1m) agar pentadbiran dilaksanakan menepati syarak (1m).<br>P5- Berteraskan nilai-nilai akhlak Islam (1m) seperti amanah (1m).<br>P6- Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura (1m) supaya dapat membuat keputusan yang adil (1m).<br>P7- Mengamalkan konsep keadilan (1m) untuk memastikan pentadbiran lebih cekap (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (e) | | **Dua** kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat<br>P1- Mengabaikan amanah yang diberikan (1m) kerana bertentangan dengan prinsip kejujuran dalam menjalankan urusan pentadbiran (1m).<br>P2- Hilang sokongan daripada orang bawahan (1m) kerana gagal menjaga hubungan baik antara ketua dan ahli-ahlinya (1m).<br>P3- Berlaku pertelingkahan (1m) kerana wujudnya perbezaan pendapat (1m).<br>P4- Menyebabkan kemunduran organisasi dan negara (1m) kerana gagal menjalankan tanggungjawab (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |



**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Pengertian syumuliyyah ialah<br>Agama Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna (1m) serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** ciri prinsip syumuliyyah<br>P1- Kesempurnaan hanya milik Allah SWT. (2m)<br>P2- Islam tidak terikat (1m) dengan masa, tempat dan ruang tertentu. (1m)<br>P3-Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap (1m) sesuai dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (b) | | **Dua** tindakan yang boleh diambil dalam merealisasikan amalan prinsip hidup Islam<br><br>P1- Memberitahu secara berhemah kepada majikan (1m) bahawa menutup aurat adalah kewajipan agama (1m).<br>P2- Mencari pekerjaan lain yang sesuai dengan syariat (1m) supaya prinsip agama Islam tidak tergadai (1m).<br>P3- Membuat aduan (1m) kepada pihak berkuasa supaya majikan boleh dikenakan tindakan sepatutnya (1m).<br><br>Catatan:<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (c) | | **Dua** kepentingan muamalat Islam<br>P1- Mendapat manfaat/ ganjaran pahala (1m) kerana bermuamalat secara Islam (1m).<br>P2- Memperoleh jaminan keadilan (1m) dalam sistem kewangan Islam (1m).<br>P3- Dapat saling mengenali / mengeratkan silaturahim (1m) dalam masyarakat (1m).<br>P4- Dapat saling bantu-membantu (1m) melalui sistem ta'awun/ tabarru' (1m).<br>P5 Ekonomi negara dalam keadaan baik (1m) agar diredai Allah SWT (1m).<br>P6- Pendapatan dan pengagihan harta (1m) dapat dibuat dengan lebih efisien (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

<table>
<tr><td>(d)</td><td>(i)</td><td>Wakaf</td><td>1 isi X 2 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Peranan masyarakat dalam memupuk kesedaran tentang institusi kewangan Islam di Malaysia<br><br>Rubrik penskoran<br><br>
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>• Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>• Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Contoh jawapan:<br><br>Memberikan pendidikan berterusan kepada masyarakat (F1). Hal ini kerana masyarakat perlu memahami prinsip asas muamalat (H1) supaya transaksi kewangan mematuhi syariat (H2) seperti al-Wadiah. Kesannya, masyarakat dapat memperkasakan ekonomi Islam melalui pengagihan kekayaan dengan adil (H3) seperti sedekah dan zakat. Kesimpulannya, pendidikan dapat mempertingkatkan kesejahteraan umat Islam (H4).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Melaksanakan kempen kewangan Islam.<br>F3- Membangunkan produk ekonomi Islam.<br>F4- Menerbitkan artikel dan sumber rujukan ekonomi Islam.<br>F5- Memberikan latihan profesional kepada pemain industri.<br>F6- Memperkenalkan polisi dan dasar mesra kewangan Islam.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>KBAT<br>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | | **Dua** keistimewaan al-Quran<br>P1- Kandungan al-Quran benar dan tidak ada keraguan (1m) kerana datangnya daripada Allah SWT (1m).<br>P2- Kandungan dan hukum al-Quran kekal hingga hari kiamat (1m) supaya menjadi panduan hidup umat Islam (1m).<br>P3- Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek kehidupan (1m) seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain-lain (1m).<br>P4- Membaca dan mendengar al-Quran dikira sebagai ibadah (1m) supaya beroleh ganjaran pahala (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (b) | | Kepentingan wahyu dalam memelihara akal<br>P1- Wahyu memerintahkan manusia menggunakan akal sepenuhnya (1m) supaya dapat membezakan antara yang benar dan salah (1m).<br>P2- Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman (1m) agar terpelihara daripada kesesatan (1m).<br>P3- Wahyu memastikan kesahihan ibadah yang dilaksanakan oleh manusia (1m) agar ibadah diterima oleh Allah SWT (1m).<br>P4- Wahyu mempengaruhi akal untuk menghasilkan kemuliaan akhlak dan tingkah laku (1m) supaya dapat membentuk akhlak yang mulia (1m).<br>05- Wahyu memelihara akal supaya berfikir dan bertindak secara logik (1m) selari dengan tuntutan syarak (1m).<br>P6- Wahyu melarang perkara yang merosakkan akal (1m) seperti arak (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | (c) | | Remaja boleh mengambil langkah yang berkesan untuk menolak budaya menghisap rokok elektronik (*vape*) ialah<br><br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[4 *markah*] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat. jelas. relevan dan menarik. | 4m |



**SULIT**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan:<br><br>Menghayati ilmu pendidikan agama dalam diri (F1) supaya dapat menjauhi perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT (H2) kerana tahu hukum pengharaman (H3) mengambil/ menghisap *vape*. Kesimpulannya, remaja hendaklah sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan agar jati diri / maruah diri terpelihara (H4).<br>Cadangan isi :<br><br>F2- Berusaha mempertingkatan iman dan takwa kepada Allah SWT.<br>F3- Mengambil berat/ membantu/ membimbing diri dan rakan-rakan menjauhi perkara haram.<br>F4- Melaksanakan amanah/ bertanggungjawab/ sebagai anak yang soleh.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (d) | (i) | Matlamat kehakiman Islam<br>P1- Menegakkan keadilan (1m) tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan dan agama (1m).<br>P2- Menentang kezaliman (1m) yang boleh menggugat keamanan hidup masyarakat.<br>P3- Membela orang yang dizalimi (1m) dengan mengambil berat terhadapnya demi menegakkan keadilan agar dikembalikan haknya. | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** prinsip kehakiman Islam<br>P1- Merujuk kepada wahyu rabbani (1m) iaitu sebarang keputusan/ tindakan mesti berasaskan panduan al-Quran dan al-Hadis (1m).<br>P2- Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman (1m) tanpa mengira kedudukan dan pangkat / bagi memastikan kezaliman dapat dihapuskan (1m).<br>P3- Menyeru kebaikan serta mencegah kemungkaran (1m) supaya hukuman bersifat mencegah/pembalasan/ pemulihan (1m).<br>P4- Mengamalkan adab dan akhlak Islam (1m) supaya tidak dicemari sifat mazmumah (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (e) | | **Dua** prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan dari aspek kesaksian<br>P1- Saksi mesti baligh, sempurna akal, adil, amanah (1m) dan bebas daripada sebarang keraguan (1m).<br>P2- Saksi tidak bermusuh (1m) dengan orang yang didakwa.<br>P3- Bilangan saksi sekurang-kurangnya dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil (1m) bagi sesetengah kes (1m).<br>P4- Bagi kes perzinaan (1m) saksinya ialah empat orang lelaki (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | (i) | **Dua** contoh kesenian dalam Islam<br>P1- Seni Khat dan Kaligrafi<br>P2- Seni Reka Fesyen<br>P3- Seni Seramik<br>P4- Seni Fotografi<br><br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** konsep kesenian Islam<br>P1- Bertujuan mengagungkan Allah SWT (1m) kerana Allah SWT Maha Pencipta (1m).<br>P2- Berteraskan syariat Islam (1m) supaya menjadi panduan hidup yang sempurna dalam kehidupan (1m).<br>P3- Meliputi aspek iman dan akhlak (1m) agar terhindar dari maksiat (1m).<br>P4- Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian (1m) supaya seimbang antara jasmani dan rohani (1m).<br>P5- Membangunkan potensi umat Islam (1m) supaya menjadi umat Islam yang berdaya saing dan maju (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | | (iii) | **Dua** kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam<br>P1- Mengakui dan meyakini kekuasaan Allah SWT (1m) kerana Allah SWT Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan (1m).<br>P2- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (1m) agar dapat mendidik jiwa manusia (1m).<br>P3- Memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan (1m) selari dengan kehendak syariat (1m).<br>P4- Mengetahui batasan manusia dalam berkarya (1m) agar tiada unsur merosakkan akidah (1m).<br>P5- Memberi panduan dalam menghasilkan seni yang menepati nilai-nilai akhlak Islam (1m) agar dapat menjauhkan unsur maksiat (1m) .<br>P6- Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam (1m) agar negara Islam dipandang tinggi (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 *markah*] |
| | (b) | (i) | **Dua** syarat menjadi khalifah<br>P1- Seorang Muslim yang Mukmin<br>P2- Lelaki<br>P3- Berilmu dan memahami masalah negara<br>P4- Adil dan saksama<br>P5- Berkemampuan dari segi mental dan fizikal<br>P6- Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik<br>P7- Berakhlak mulia dan berani | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | **Dua** ciri negara Islam<br>P1- Berdasarkan al-Quran dan Hadis<br>P2- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar<br>P3- Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan<br>P4- Majlis syura sebagai asas pemerintahan<br>P5- Ketua negara yang adil dan beriman<br>P6- Jaminan kebebasan dan hak asasi | 2 isi X 1 m<br>[2 *markah*] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | Sistem khalifah yang utama selepas kewafatan Rasulullah SAW<br>P1- Khulafa Ar-Rasyidin<br>P2- Khilafah Umaiyah<br>P3- Khilafah Abbasiyah | 1 isi X 2 m<br>[2 *markah*] |
| | | (ii) | Cara pemimpin pada hari ini mencontohi sifat kepimpinan Rasulullah SAW ialah<br><br>Rubrik penskoran<br><br>(see table below)<br><br>Contoh jawapan :<br><br>Bersikap adil dalam membuat keputusan (F1) supaya tidak berpihak kepada golongan yang tertentu (H1). Kesannya, dapat mengukuhkan semangat perpaduan antara rakyat (H2). Kesimpulannya, pemimpin hendaklah mencontohi akhlak Rasulullah SAW supaya dapat memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. (H3)<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Berani menengakkan kebenaran<br>F3- Mengamalkan akhlak mulia<br>F4- Mengamalkan musyawarah<br>F5- Menerima pandangan rakyat<br>F6- Mengutamakan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan sendiri<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | KBAT<br>[4 *markah*] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 3m |
| • Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**